



PEMBERITAHUAN

(Ruj: PKP3/MPKangar/02)

WAKTU OPERASI PERNIAGAAN RESTORAN FRANCAIS MAKANAN SEGERA DAN PREMIS MAKANAN BUKAN MUSLIM SEPANJANG BULAN RAMADAN 1441H/2020M

Berdasarkan kepada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 3 dan peruntukan undang-undang di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 serta Undang-Undang Kecil di bawahnya, maka dengan ini Majlis Perbandaran Kangar (MPKangar) telah menetapkan waktu operasi perniagaan yang dibenarkan bagi restoran francais makanan segera dan premis makanan bukan muslim sepanjang bulan Ramadan 1441H/2020M seperti dalam jadual di bawah.

| BIL. | PREMIS MAKANAN | WAKTU OPERASI DIBENARKAN | KAEDAH JUALAN |
|------|-------------------------------------|--------------------------------|---------------------------------------------|
| 1. | RESTORAN FRANCAIS MAKANAN SEGERA | 8.00 PAGI HINGGA 8.00 MALAM | BUNGKUS, PENGHANTARAN atau PANDU LALU |
| 2. | PREMIS MAKANAN BUKAN MUSLIM | 8.00 PAGI HINGGA 8.00 MALAM | BUNGKUS atau PENGHANTARAN |

Ketetapan ini dibuat atas pertimbangan terhadap keperluan bukan muslim di Negeri Perlis untuk mendapatkan perkhidmatan penjualan makanan dalam tempoh tersebut. Operasi restoran francais makanan segera adalah tertakluk kepada ketetapan waktu larangan penjualan makanan bermasak melibatkan orang Islam selaras dengan peruntukan Seksyen 25(1)(a) Enakmen Jenayah Dalam Syarak Negeri Perlis 1991 (Pindaan 2012).

ARAHAN:

**YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN KANGAR
24 APRIL 2020**